

Maruah umat Islam akan terbela jika kerja kuat - PM

KOK LANAS 23 Mac — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan orang-orang Islam di negara ini akan terbela dari segi maruah dan kedudukan sekiranya mereka sanggup bekerja kuat, di samping dapat mengimbangi dengan kehendak akhirat.

Oleh itulah, katanya dasar yang dibawa oleh UMNO berlainan dengan yang dibawa oleh pihak-pihak lain di negara ini yang menganggap ibadat hanya semata-mata untuk akhirat.

Menurut beliau, di negara ini, kerajaan berpendapat untuk melindungi orang-orang Islam, ia haruslah meningkatkan kemampuan dalam bidang ilmu dan kecekapan, termasuklah dalam bidang ketenteraan, pembuatan senjata dan sebagainya.

"Itu tidak bermakna bahawa kita lupa beribadat untuk akhirat. Apa yang dilakukan ialah untuk memastikan orang-orang Islam tidak dihina," katanya ketika berucap di majlis muhibah dan berbuka puasa bersama beliau di Politeknik Kota Bharu di sini petang ini.

Dr. Mahathir berkata, sekiranya rakyat memilih untuk menjadikan negara ini lemah dan tidak mampu menjaga diri, jangan salahkan sesiapa jika ia ditindas oleh kuasa-kuasa besar yang lain.

Katanya, Alhamdulillah hari ini negara telah berjaya bangun dan bercakap menentang kuasa-kuasa besar walaupun itu tidak disenangi oleh mereka, tetapi negara tidak bimbang kerana ia tidak berhutang atau memintaminta dengan kuasa-kuasa itu.

"Berlainan dengan negara Islam yang lain, walaupun mereka negara kaya, tetapi terlalu banyak meminta bantuan sehingga terpaksa tunduk kepada kuasa-kuasa yang bukan Islam itu. Sebabnya ialah kerana mereka tidak mempunyai kecekapan dan kemampuan," tegas beliau.

Presiden UMNO itu berkata, Wawasan 2020 diadakan oleh kerajaan bertujuan untuk menjadikan negara ini sama maju dan kuat dengan kuasa-kuasa besar yang lain, tanpa melupakan akhirat.

"Kita mesti mengimbangi apa yang harus dibuat di dunia ini dengan apa yang harus dibuat untuk akhirat dan ini tidak bermakna ia bertentangan dengan Islam.